

**UCAPAN BALAS  
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI,  
BERSEMPENA PENGANUGERAHAN BINTANG REPUBLIK INDONESIA ADI  
PRADANA, DI JAKARTA, INDONESIA  
22 FEBRUARI 2007**

-----

BISMILLAHIRAHMANI RAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAAHI WABARAKATUH,

YANG MULIA BAPAK DR. SUSILO BAMBANG YUDHOYONO  
PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA

YANG TERHORMAT MENTERI -MENTERI KABINET REPUBLIK INDONESIA

PARA DUTA BESAR,

PARA TETAMU UNDANGAN SEKALIAN,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAAHI WABARAKATUH,

ALHAMDULILLAH, MARILAH KITA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA, DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA, DAPAT SAYA DAN DELEGASI MALAYSIA BERKUNJUNG KE REPUBLIK INDONESIA, DAN DAPAT KITA KESEMPATAN BERSAMA-SAMA BERKUMPUL DI MAJLIS YANG MULIA PADA PAGI INI.

2. SAYA INGIN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH KEPADA YANG MULIA BAPAK PRESIDEN DAN KERAJAAN REPUBLIK INDONESIA DI ATAS LAYANAN SUNGGUH MESRA YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA KAMI SEJAK TIBA DI INDONESIA.

3. SAYA BERASA AMAT BERSYUKUR KERANA BERSEMPENA DENGAN KUNJUNGAN SAYA KE INDONESIA PADA KALI INI, SAYA DIANUGERAH BINTANG REPUBLIK INDONESIA ADI PRADANA. UNTUK ITU, SAYA INGIN MENYAMPAIKAN RASA TERIMA KASIH SAYA SETINGGI-TINGGINYA KEPADA PRESIDEN SUSILO BAMBANG YUDHYONO DAN KERAJAAN REPUBLIK INDONESIA. SESUNGGUHNYA, SAYA BERASA AMAT TERHARU DI ATAS PENGANUGERAHAN INI.

4. SAYA MENGANGGAP PENGANUGERAHAN INI MERUPAKAN SUATU PENGIKTIRAFAN YANG SANGAT TINGGI DAN BERHARGA DALAM MENCERMINKAN HUBUNGAN BAIK YANG TERJALIN SEKIAN LAMA DI ANTARA MALAYSIA DAN INDONESIA. KEAKRABAN HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA MERANGKUMI PELBAGAI BIDANG DAN LAPISAN MASYARAKAT. INI MEMANG SANGAT MEMBANGGAKAN KITA SEMUA.

YANG MULIA BAPAK PRESIDEN DAN PARA UNDANGAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

5. PADA TAHUN INI, MALAYSIA DAN REPUBLIK INDONESIA AKAN SAMA-SAMA MENYAMBUT ULANGTAHUN KE-50 JALINAN HUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA KEDUA NEGARA. DALAM TEMPOH YANG BERLALU, KITA TELAH MENGHARUNGI PELBAGAI

PERISTIWA PAHIT MANIS DALAM PERJALANAN SEJARAH KEDUA-DUA BUAH NEGARA. NAMUN DEMIKIAN, TALI PERSAUDARAAN TETAP KEKAL ANTARA MALAYSIA DAN INDONESIA. DENGAN PEREDARAN MASA DAN USAHA-USAHA BERSAMA MEMBINA PERSEFAHAMAN, HUBUNGAN ANTARA KEDUA NEGARA SEMAKIN MATANG.

6. SAYA BERASA AMAT GEMBIRA TALIAN HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN REPUBLIK INDONESIA TELAH MENUNJUKKAN KEAKRABAN DAN PERKEMBANGAN YANG SANGAT POSITIF. KITA DAPAT MELIHAT PENINGKATAN KERJASAMA DI DALAM PELBAGAI BIDANG SEPERTI PERLADANGAN, PERDAGANGAN, PERBANKAN, TELEKOMUNIKASI DAN SEBAGAINYA. KITA HARUS TERUS BERUSAHA SUPAYA KITA DAPAT MEMPERTINGKATKAN LAGI KERJASAMA INI KE TAHAP YANG LEBIH BAIK DARI TAHUN KE TAHUN, DAN SUPAYA KEAKRABAN INI BERKEKALAN DI GENERASI-GENERASI YANG AKAN DATANG.

YANG MULIA BAPAK PRESIDEN DAN PARA UNDANGAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

7. PERMULAAN TAHUN 2007 JUGA TELAH MEMBERIKAN PELBAGAI CABARAN KEPADA KEDUA-DUA NEGARA INDONESIA DAN MALAYSIA, IAITU KEJADIAN BENCANA BANJIR BARU-BARU INI. PADA KESEMPATAN INI SAYA, BAGI PIHAK KERAJAAN DAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA, TURUT BERDUKACITA DENGAN KEJADIAN BENCANA BANJIR YANG MELANDA JAKARTA DAN BEBERAPA KOTA LAINNYA. MALAYSIA JUGA DITIMPA KEJADIAN BANJIR YANG MELANDA BEBERAPA KOTA.

8. SEHUBUNGAN DENGAN KEJADIAN BANJIR INI, MALAYSIA SANGAT BERTERIMA KASIH DAN SANGAT MENGHARGAI BANTUAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH PEMERINTAH INDONESIA KEPADA MANGSA-MANGSA BANJIR DI MALAYSIA. MARILAH KITA SAMA-SAMA BERDOA AGAR KEDUA-DUA NEGARA TETAP BERADA DALAM KESEJAHTERAAN DAN DIPELIHARA ALLAH SUBHANA WATAALA DARI SEGALA BENCANA DAN MALAPETAKA YANG TIDAK DIINGINI.

9. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN INI, SAYA SEKALI LAGI MENYAMPAIKAN UCAPAN TERIMA KASIH TIDAK TERHINGGA SAYA KEPADA BAPAK PRESIDEN SUSILO BAMBANG YUDHOYONO DAN KERAJAAN REPUBLIK INDONESIA KERANA TELAH MENERIMA KUNJUNGAN SAYA DAN DELEGASI KE INDONESIA, DAN SETERUSNYA TELAH MENGANUGERAH BINTANG REPUBLIK INDONESIA ADI PRADANA YANG MANA SAYA MENERIMANYA DENGAN RASA PENUH TERHORMAT.

10. SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAAHI WABARAKAATUH.